

## **TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB@WORK**

### **1. Definisi**

- a. "CIMB Bank" bermaksud CIMB Bank Berhad (13491-P).
- b. "CIMB Islamic Bank" bermaksud CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H).
- c. "Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work" bermaksud terma-terma dan syarat-syarat yang dibentangkan di bawah.
- d. "Pelanggan CIMB@Work" bermaksud individu yang memenuhi keperluan kelayakan CIMB@Work yang ditetapkan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dan yang telah diterima oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank sebagai Pelanggan CIMB@Work.
- e. "Pakej Penyelesaian Gaji dan Perbankan CIMB@Work" bermaksud pakej penyelesaian gaji dan perbankan yang ditawarkan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank kepada syarikat-syarikat untuk membolehkan gaji kakitangan syarikat-syarikat tersebut dikreditkan ke dalam akaun gaji kakitangan melalui BizChannel@CIMB atau platform CIMB Autopay Diskette File Transfer.
- f. "Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work" bermaksud ciri-ciri, manfaat dan ganjaran bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank di dalam ini atau yang mungkin ditawarkan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dari semasa ke semasa secara eksklusif kepada Pelanggan CIMB@Work.
- g. "Program Ganjaran CIMB" bermaksud program ganjaran yang direka khusus oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank buat pelanggan untuk membolehkan pelanggan menebus mata bonus mereka.
- h. "Akaun Semasa Perniagaan-i" bermaksud Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad, Kelab/Persatuan/Pertubuhan yang dipegang di mana-mana bank.
- i. "Mata Bonus" bermaksud mata yang diberikan kepada Pelanggan CIMB@Work berkaitan dengan pendaftaran produk, penggunaan produk serta pendaftaran produk bulanan.
- j. "Akaun Gaji" bermaksud Akaun Simpanan/ Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i Pelanggan CIMB@Work yang dipegang di CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank.
- k. "Kad Debit 'POS Enabled'" bermaksud CIMB Bank/CIMB Islamic Bank Debit MasterCard yang boleh digunakan untuk melaksanakan transaksi Point of Sale (POS) melalui rangkaian MasterCard.

### **2. Kelayakan CIMB@Work**

Agar layak dipertimbangkan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank sebagai Pelanggan CIMB@Work, pelanggan hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- 2.1 Jika pelanggan adalah pekerja syarikat yang mendaftar untuk Pakej Penyelesaian Gaji dan Perbankan CIMB@Work, pelanggan hendaklah sama ada:-
  - i. Gaji bulannya dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/ Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/ Akaun Simpanan-i CIMB Bank atau CIMB Islamic Bank; ATAU
  - ii. Minimum satu (1) bulan gaji dikreditkan ke dalam Akaun Gaji.
- 2.2 Jika pelanggan bukan pekerja syarikat yang mendaftar untuk Pakej Penyelesaian Gaji dan Perbankan CIMB@Work, pelanggan hendaklah sama ada:-
  - i. Gaji bulannya dikreditkan ke dalam Akaun Gaji selama enam (6) bulan berturut-turut. Pengkreditan gaji tersebut hendaklah dilakukan daripada Akaun Semasa Perniagaan/ Akaun Semasa Perniagaan-i secara terus ke dalam Akaun Gaji melalui pembayaran intrabank atau interbank. Pembayaran melalui wang tunai, cek dan kaedah pembayaran manual tidak layak.

Rekod CIMB Bank/CIMB Islamic Bank mengenai Pelanggan CIMB@Work akan dianggap muktamad dan konklusif dan penerimaan dan penerusan sebagai Pelanggan CIMB@Work adalah semata-mata menurut budi bicara CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.

### **3. Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work**

3.1 CIMB Bank/CIMB Islamic Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menawarkan ciri-ciri, manfaat dan ganjaran terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan CIMB@Work. Senarai lengkap ciri-ciri, manfaat dan ganjaran boleh didapati di laman web CIMB Bank/CIMB Islamic Bank di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my)

3.2 CIMB Bank/CIMB Islamic Bank berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar, menetapkan atau mengenakan terma dan syarat lanjut berkaitan dengan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work. Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work adalah tertakluk kepada penerapan terma-terma dan syarat-syarat bagi produk atau perkhidmatan masing-masing, yang adalah berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini. Semua manfaat produk yang diperuntukkan sebagai sebahagian daripada Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal produk atau perkhidmatan tersebut.

3.3 Pelanggan CIMB@Work hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat berkaitan dengan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work atau sebarang terma-terma dan syarat-syarat lanjut yang mungkin seterusnya ditetapkan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dari semasa ke semasa selaras dengan Klausula 3.2 sebelum Pelanggan CIMB@Work dibenarkan menikmati Manfaat, Keistimewaan & Ganjaran CIMB@Work yang berkenaan.

3.4 CIMB Bank/CIMB Islamic Bank berhak mengubah, memodifikasi, menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB@Work. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penamatan, pembatalan, pindaan, modifikasi, perubahan, sekatan atau penggantungan semua atau sebarang Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work tidak memberikan hak kepada mana-mana Pelanggan CIMB@Work dan/atau mana-mana orang untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work dan/atau mana-mana orang yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan penamatan, pembatalan, pindaan, modifikasi, perubahan, sekatan atau penggantungan kecuali jika disebabkan oleh kecuaiannya yang melampau atau keingkaran yang disengajakan di pihak CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.

### **4. Mata Bonus**

4.1 Semua Pelanggan CIMB@Work layak menebus Mata Bonus di bawah Program Ganjaran Ahli CIMB, yang boleh diakses daripada laman web CIMB Bank/CIMB Islamic Bank di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my)

4.2 Agar layak memperolehi Mata Bonus, Pelanggan CIMB@Work hendaklah mematuhi perkara berikut:-

(i) mempunyai Kad Debit 'POS Enabled' yang sah; dan

(ii) haknya untuk menikmati atau menggunakan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini tidak ditamatkan.

4.3 Pelanggan CIMB@Work berhak memperoleh Mata Bonus setelah mendaftar diri untuk produk dan menggunakan produk selaras dengan Seksyen 3 Katalog Ganjaran Ahli di bawah Program Ganjaran Ahli CIMB, yang boleh diakses daripada laman web CIMB Bank/CIMB Islamic Bank di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my)

## 5. Penamatan

5.1 Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work bagi Pelanggan CIMB@Work akan dianggap ditamatkan apabila berlaku mana-mana peristiwa berikut:

- a. Gaji bulanan tidak dikreditkan ke dalam Akaun Gaji Pelanggan CIMB@Work selama empat (4) bulan berturut-turut; atau
- b. Pelanggan CIMB@Work meletak jawatan, ditamatkan jawatan atau berhenti kerja, yang menyebabkan gaji bulanan tidak dikreditkan seperti yang disebut dalam Klausula 5.1a; atau
- c. Majikan Pelanggan CIMB@Work menarik diri daripada pengkreditan gaji melalui BizChannel@CIMB atau CIMB Autopay Diskette File Transfer yang menyebabkan gaji bulanan tidak dikreditkan seperti yang disebut dalam Klausula 5.1a.

5.2 Meskipun Klausula 5.1, CIMB Bank/CIMB Islamic Bank berhak menggantung atau menamatkan hak Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati atau menggunakan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan CIMB @Work.

5.3 Setelah penamatan yang disebut dalam Klausula 5.1 dan 5.2, Pelanggan CIMB@Work hendaklah dengan serta-merta berhenti menikmati atau menggunakan semua ciri-ciri, manfaat dan ganjaran yang ditawarkan di bawah Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.

5.4 CIMB Bank/CIMB Islamic Bank tidak akan, dalam apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan CIMB@Work atau mana-mana pihak lain, berhubung dengan (i) Pelanggan CIMB@Work menikmati dan/atau tidak menikmati dan menggunakan dan/atau tidak menggunakan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work; (ii) tindakan CIMB Bank/ CIMB Islamic Bank menamatkan atau menggantung hak Pelanggan CIMB@Work untuk menikmati atau menggunakan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work kecuali jika disebabkan oleh keingkaran yang disengajakan atau kecuaihan melampau di pihak CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.

## 6. Notis Penting

6.1 Langkah Pelanggan CIMB@Work yang menikmati dan menggunakan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work akan dianggap persetujuan oleh Pelanggan CIMB@Work terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work dan Pelanggan CIMB@Work bersetuju bahawa keputusan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank berkaitan dengan setiap aspek Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

6.2 Pelanggan CIMB@Work dengan ini mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju terikat oleh Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my)) dan klausa-klausa di dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pelanggan CIMB@Work. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan CIMB@Work bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap digabungkan secara rujukan ke dalam Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini.

- 6.3 Pelanggan CIMB@Work bersetuju bahawa mereka tidak akan mempertanggungjawabkan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atas sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh mereka secara langsung atau tidak langsung berbangkit daripada atau berhubung dengan tindakan mereka menikmati dan menggunakan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau kepincangan komputer, talian sambungan terminalnya, sistem pemprosesan data atau talian penghantarannya atau sebarang peralatan lain sama ada kepunyaan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atau tidak, tindakan keganasan yang cuba atau sebenarnya dilakukan, merebaknya wabak penyakit, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perusahaan, kebakaran, banjir, kerosakan teknikal atau sistem, sebarang bencana alam atau apa-apa keadaan atau peristiwa di luar kawalan munasabah CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.
- 6.4 CIMB Bank/CIMB Islamic Bank berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar, untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memadamkan, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) (“Pindaan”) mana-mana Terma-terma & Syarat-syarat CIMB@Work. Makluman kepada Pelanggan CIMB@Work tentang Pindaan hendaklah dilaksanakan menurut budi bicara mutlak CIMB Bank/CIMB Islamic Bank melalui mana-mana satu daripada cara komunikasi berikut, iaitu, melalui pos biasa ke alamat Pelanggan CIMB@Work yang terakhir diketahui atau dengan meletakkan notis tentang Pindaan di setiap cawangan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atau dengan menyiarkan iklan tentang Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank, atau melalui laman web CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atau menurut sebarang cara lain yang dianggap wajar oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dan Pindaan dianggap mengikat Pelanggan CIMB@Work dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh lain yang boleh ditetapkan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dalam makluman.
- 6.5 Terma-terma Dan Syarat-syarat CIMB@Work, yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan Klausula 6.4, akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam sebarang bahan iklan atau promosi berkaitan dengan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work.
- 6.6 Masa menjadi asas tetapi kegagalan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank untuk melaksanakan atau kelewatan untuk melaksanakan atau menguatkuasakan hak, kuasa, keistimewaan atau remedinya terhadap Pelanggan CIMB@Work tidak akan beroperasi sebagai penepiannya dan sebarang pelaksanaan separa sebarang hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tidak akan memudaratkan atau menjejaskan hak CIMB Bank/CIMB Islamic Bank untuk selepas itu bertindak benar-benar selaras dengannya.
- 6.7 Jika mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, ini tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehtkuasaan sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work yang lain di dalam ini.
- 6.8 Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work di dalam ini adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia dan badan lain yang berkenaan, yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. Pelanggan CIMB@Work bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.

- 6.9 Meskipun apa jua perkara yang terkandung di dalam ini, hak CIMB Bank/CIMB Islamic Bank di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work ini akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan akan terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya selepas sebarang penamatan atau penggantungan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.
- 6.10 Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work di dalam ini akan terus sah dan mengikat meskipun sebarang percantuman, penggabungan, pemindahan atau penyerahan hak perniagaan, operasi, aset, atau liabiliti CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atau apa-apa perubahan pada CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atau mana-mana syarikat yang mungkin buat masa itu melaksanakan perniagaan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.
- 6.11 Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work yang dinyatakan di dalam ini adalah sebagai tambahan dan tidak menjejaskan sebarang perkiraan khusus tentang penggunaan atau kenikmatan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work yang kini atau selepas ini wujud antara CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dan Pelanggan CIMB@Work atau mana-mana terma dan syarat yang mungkin ditetapkan dalam apa-apa surat atau notis yang diberikan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank kepada Pelanggan CIMB@Work dari semasa ke semasa.
- 6.12 Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work di dalam ini akan mengikat waris, wakil diri dan pengganti hakmilik CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dan Pelanggan CIMB@Work masing-masing dan hak dan obligasi Pelanggan CIMB@Work di dalam ini tidak boleh diserahkan atas apa jua sebab.
- 6.13 Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work di dalam ini adalah sebagai tambahan dan tertakluk kepada perjanjian dan/atau peraturan yang mengawal operasi, perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan berkaitan dengan dan/atau berbangkit di bawah akaun Pelanggan CIMB@Work yang dipegang dengan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.
- 6.14 Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam ini, semua notis dan komunikasi oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank berhubung dengan Keistimewaan & Ganjaran CIMB@Work boleh diberikan oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dalam mana-mana satu cara berikut:-
- (i) Melalui pos berdaftar A.R ke alamat Pelanggan CIMB@Work yang terakhir dalam rekod CIMB Bank/CIMB Islamic Bank;
  - (ii) Melalui pos biasa ke alamat Pelanggan CIMB@Work yang terakhir dalam rekod CIMB Bank/CIMB Islamic Bank;
  - (iii) Melalui faks, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain ke nombor hubungan, nombor mudah alih atau alamat e-mel Pelanggan CIMB@Work yang terakhir diketahui dalam rekod CIMB Bank/CIMB Islamic Bank;
  - (iii) Dengan memaparkannya di premis CIMB Bank/CIMB Islamic Bank, termasuk di premis cawangannya;
  - (iv) Dengan memaparkannya di skrin apabila laman web CIMB Bank/CIMB Islamic Bank diakses di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my)
  - (v) Melalui sebarang cara lain yang dianggap wajar oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank.

Semua notis dan komunikasi yang dihantar oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank kepada Pelanggan hendaklah, kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam ini atau dalam notis atau komunikasi tersebut, dianggap diterima dan berkesan, seperti berikut:-

- a. Jika melalui pos berdaftar A.R; setelah menerima kad A.R yang ditandatangani sewajarnya;
  - b. Jika melalui pos biasa, dua (2) hari selepas pengeposan untuk semenanjung Malaysia dan lima (5) hari selepas pengeposan untuk Sabah & Sarawak dan tempat-tempat di luar Malaysia;
  - c. Jika melalui faks, e-mel atau komunikasi serta-merta lain, apabila dihantar; dan
  - d. Jika melalui paparan (sama ada di premis CIMB Bank/CIMB Islamic Bank atau di laman web CIMB Bank/CIMB Islamic Bank), apabila paparan dibuat.
- 6.15 Jika konteks membolehkannya, perkataan yang membawa maksud nombor mufrad hendaklah termasuk nombor jamak dan begitu juga sebaliknya, perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neutral dan begitu juga sebaliknya.
- 6.16 Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work ini dalam Bahasa Inggeris atau mana-mana versi lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh Pelanggan CIMB@Work untuk versi Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work ini dalam Bahasa Malaysia dan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank telah mencatat dan mengakui dalam rekodnya bahawa versi Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work ini dalam Bahasa Malaysia akan mengawal Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work, maka versi Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB@Work dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.
- 6.17 Jika terdapat sebarang aduan tentang pendaftaran diri sebagai Pelanggan CIMB@Work dan/atau mana-mana perkara lain berkaitan dengan Ciri-ciri, Manfaat & Ganjaran CIMB@Work, Pelanggan CIMB@Work boleh menghubungi *Customer Resolution Department* CIMB Bank/CIMB Islamic Bank di alamat, nombor telefon, e-mel dan nombor faks berikut (atau di alamat, nombor telefon, e-mel dan nombor faks lain yang mungkin diubah oleh CIMB Bank/CIMB Islamic Bank dengan memaklumkan Pelanggan CIMB@Work):
- No. Hubungan : 03-6204 7788  
Alamat E-mel : [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)  
Alamat : Customer Resolution Unit (CRU)  
CIMB Bank Berhad, Aras 19,  
Menara Bumiputra-Commerce,  
11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
No. Faks : 03-2691 3248
- 6.18 Sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan, sila lawati mana-mana cawangan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank di seluruh negara, atau hubungi Pusat Hubungan CIMB Bank/CIMB Islamic Bank: 03-6204 7788.